

**SULIT**



**UTHM**  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER II  
SESI 2023/2024**

NAMA KURSUS	:	PENGURUSAN PROJEK
KOD KURSUS	:	DAC 22402
KOD PROGRAM	:	DAA
TARIKH PEPERIKSAAN	:	JULAI 2024
JANGKA MASA	:	2 JAM
ARAHAN	:	<ol style="list-style-type: none"><li>1. JAWAB SEMUA SOALAN</li><li>2. PEPERIKSAANINI DIJALANKAN SECARA <input type="checkbox"/> BUKA BUKU <input checked="" type="checkbox"/> TUTUP BUKU</li><li>3. PELAJAR TIDAK DIBENARKAN MERUJUK KEPADA MANA-MANA SUMBER RUJUKAN BAGI PEPERIKSAAN YANG DILAKSANAKAN SECARA TUTUP BUKU</li><li>4. KERTAS SOALANINI TIDAK DIBENARKAN DIBAWA KELUAR DARI DEWAN PEPERIKSAAN</li></ol>

KERTAS SOALANINI MENGANDUNGISEPULUH (10) MUKA SURAT

**SULIT**

**TERBUKA**

**BAHAGIAN A**

- S1** Terdapat lima (5) peringkat dalam pengurusan projek. Salah satu peringkat tersebut ialah Peringkat “X”. Semasa di peringkat “X” ini, analisis pasaran, anggaran masa serta kos dan juga mengenalpasti kesesuaian tapak projek dijalankan. Berdasarkan penerangan yang diberikan, secara tepatnya peringkat ini adalah
- (a) Permulaan (*Initiating*)
  - (b) Kajian kebolehlaksanaan (*Feasibility study*)
  - (c) Penganggaran (*Estimation*)
  - (d) Kajian Projek (*Project Research*)
- S2** Dalam proses pembinaan, beberapa objektif perlu dipatuhi. Antara yang berikut manakah objektif utama dalam proses pembinaan?
- i Menyiapkan projek dalam masa yang ditetapkan
  - ii Menyiapkan projek dalam lingkungan belanjawan
  - iii Menyiapkan projek dengan pekerja yang optimum
  - iv Menyiapkan projek mengikut lukisan dan spesifikasi
- (a) i dan ii
  - (b) iii dan iv
  - (c) i, ii dan iv
  - (d) i, ii, iii dan iv
- S3** Pengurusan projek adalah merangkumi beberapa fungsi penting. Antara yang berikut, apakah fungsi yang **TIDAK** sesuai?
- (a) Pengugutan (*intimidating*)
  - (b) Penyusunan (*organizing*)
  - (c) Pengawalan (*controlling*)
  - (d) Penyelarasian (*coordination*)
- S4** Berikut adalah tanggungjawab pasukan pengurus projek **KECUALI**
- (a) Menasihati pihak kontraktor
  - (b) Memenuhi matlamat pelanggan
  - (c) Memantau perkembangan projek
  - (d) Menyediakan peluang pekerjaan

**TERBUKA**

**S5** Pada permulaan pelaksanaan projek, anda melihat pendapat yang berbeza antara pasukan ahli yang berkaitan dengan kerja projek dan hasil serta tahap keseluruhan kerumitan. Apa yang perlu anda lakukan?

- (a) Gunakan pendekatan berbincang secara peribadi dengan setiap ahli pasukan untuk memberitahu mereka jangkaan dan keperluan anda dalam suasana keyakinan.
- (b) Berikan ahli pasukan anda masa untuk membangunkan pemahaman umum tentang skop projek dan skop produk. Masalah yang akan datang mungkin diselesaikan kemudian.
- (c) Gunakan proses pengurusan risiko untuk mengenal pasti dan menilai risiko yang disebabkan oleh kekeliruan dan membangunkan rancangan dengan langkah-langkah untuk mengatasinya.
- (d) Mengadakan mesyuarat untuk mengenal pasti dan menyelesaikan kekeliruan/salah faham antara ahli-ahli pasukan untuk mengelakkan masalah komunikasi dan perpecahan.


**S6** Di antara berikut yang manakah **BUKAN** jenis struktur organisasi

- (a) Fungsian
- (b) Matrik
- (c) Projek
- (d) Kontrak

**S7** Anda adalah pengurus projek untuk pembangunan loji janakuasa baru. Projek anda membuat kemajuan yang cepat, dan semakin dekat hingga ke hari penyerahan projek. Teknik mana yang paling penting untuk penyerahan projek?

- (a) Tinjauan
- (b) Pemeriksaan
- (c) Analisis impak
- (d) Kajian pasukan

**S8** Berdasarkan **Rajah S8**, klasifikasikan jenis struktur organisasi tersebut.



**Rajah S8**

- (a) Fungsian
- (b) Matrik
- (c) Projek
- (d) Kontrak

**TERBUKA**

**S9** Berikut pernyataan manakah yang **BUKAN** konsep organisasi yang berkesan.

- (a) Melaksanakan pembahagian tugas dengan berkesan
- (b) Melaksanakan kerja dengan kaedah yang sistematik dan teratur
- (c) Melaksanakan perancangan berdasarkan kemahiran dan kepakaran
- (d) Melaksanakan kaedah membuat keputusan dengan sukar

**S10** Struktur organisasi matrik menpunyai ciri-ciri berikut;

- i. Menyelaras kakitangan dan peralatan yang diletakkan dalam unit fungsian
  - ii. Menyelaras tanggungjawab pengurus projek ke atas projek masing-masing
  - iii. Menyelaras kumpulan pengurus fungsian dan pengurus projek
  - iv. Menyelaras arahan formal dari atas turun ke bawah secara hirarki
- (a) i, iii dan iv
  - (b) i, ii dan iii
  - (c) i, ii dan iv
  - (d) i, ii, iii dan iv

**S11** Terdapat beberapa faktor pemilihan struktur organisasi iaitu

- i. Saiz dan jangkamasa projek
  - ii. Pengaruh teknologi
  - iii. Sumber (kakitangan, pengalaman dan kepakaran)
  - iv. Kos
- (a) i, iii dan iv
  - (b) i, ii dan iii
  - (c) i, ii dan iv
  - (d) i, ii, iii dan iv

**S12** Tender terbuka merupakan kaedah yang dianggap adil kerana


- (a) Semua kontraktor layak menyertainya
- (b) Boleh mendapatkan harga yang terendah.
- (c) Terbuka kepada kontraktor bumiputra sahaja
- (d) Hanya kontraktor yang berpengalaman layak menyertainya

**S13** Manakah pernyataan yang berikut merupakan keburukan di dalam perolehan secara Reka dan Bina

- (a) Kontraktor hanya bertanggungjawab kepada klien
- (b) Penglibatan pemilik projek yang sangat minimum
- (c) Harga yang tetap untuk projek yang berteknologi tinggi
- (d) Risiko yang tinggi terhadap kontraktor untuk menyiapkannya

**TERBUKA**

**Soalan S14 hingga S16 adalah berdasarkan Rajah S14**



**Rajah S14**

**S14** Sekiranya aktiviti C lewat selama 1 hari, apakah kesan ke atas tempoh projek?

- (a) Akan lewat selama 1 hari
- (b) Akan lewat selama 3 hari
- (c) Akan siap pada hari ke 26
- (d) Akan siap pada hari ke 28

**S15** Projek tersebut dirancang bermula pada 1 Januari 2020 dengan masa bekerja adalah 7 hari seminggu, pada berapa haribulan projek tersebut akan dijangka siap?

- (a) 26 Januari 2020
- (b) 27 Januari 2020
- (c) 31 Januari 2020
- (d) 5 Februari 2020

**S16** Laluan kritikal bagi projek tersebut ialah


- (a) D-F-G
- (b) A-E-F-G
- (c) A-B-C-G
- (d) Tiada laluan kritikal

**S17** Manakah di antara pernyataan benar mengenai Kaedah Gambarajah Duluan (*Precedence Diagram Method*).

- i. Ia mempunyai empat (4) jenis hubungan logik
  - ii. Ia adalah aktiviti di atas anak panah
  - iii. Ia menggunakan aktiviti *dummy*
  - iv. Ia adalah aktiviti di dalam nod
- (a) ii dan iii
  - (b) i dan iii
  - (c) i dan iv
  - (d) ii dan iv

**TERBUKA**


**S18** Hubungan logik Aktiviti A dan Aktiviti B dalam **Rajah S18** ialah



**Rajah S18**

- (a) Finish-Finish (FF) dengan lag positif
- (b) Finish-Start (FS) dengan lag negatif
- (c) Finish-Start (FS) dengan lag positif
- (d) Start-Start (SS) dengan lag positif

**Soalan S19 dan S20 adalah berdasarkan Rajah S19**



**Rajah S19**

**S19** ES bagi aktiviti D ialah

- (a) 5
- (b) 7
- (c) 8
- (d) 9

**S20** Kirakan nilai X

- (a) 8
- (b) 15
- (c) 12
- (d) 14

**TERBUKA**

- S21** Apakah yang anda faham berkaitan aktiviti *dummy*?
- (a) Ia mempunyai jangkamasa yang pendek
  - (b) Ia mempunyai hubungan yang tidak logik
  - (c) Ia dilukis dengan garisan anak panah putus-putus
  - (d) Ia menunjukkan hubungan yang tersembunyi
- S22** Apungan (*float*) boleh didefinisikan sebagai
- (a) Ia merupakan masa mula aktiviti yang boleh dilewatkan tanpa melewatkannya keseluruhan tempoh projek
  - (b) Ia merupakan masa mula aktiviti yang tidak boleh dilewatkan tanpa melewatkannya keseluruhan tempoh projek
  - (c) Ia merupakan masa akhir aktiviti yang boleh dilewatkan tanpa melewatkannya keseluruhan tempoh projek
  - (d) Ia merupakan masa akhir aktiviti yang tidak boleh dilewatkan tanpa melewatkannya keseluruhan tempoh projek
- S23** Kebanyakkan projek pembinaan memerlukan bilangan pekerja binaan yang ramai, tetapi ada juga jenis projek pembinaan yang memerlukan bilangan jentera/mesin yang lebih banyak dari bilangan pekerja binaan. Apakah jenis projek pembinaan tersebut?
- (a) Pembinaan bangunan komersil
  - (b) Pembinaan sekolah
  - (c) Pembinaan jalan dan lebuh raya
  - (d) Pembinaan renovasi bangunan
- S24** Sebagai seorang Pengurus Pembinaan, Ahmad bertanggungjawab untuk mendapatkan jentera bagi suatu projek pembinaan. Berikut projek pembinaannya memerlukan jentera yang besar dan mahal, maka Ahmad bercadang untuk menyewa sahaja dari pembekal jentera. Antara perkara penting yang perlu ditimbangtara dalam mendapatkan jentera tersebut **KECUALI**
- (a) Operator yang sesuai untuk jentera
  - (b) Jarak lokasi pembekal jentera dengan tapak pembinaan
  - (c) Kadar efisien jentera
  - (d) Jangka hayat jentera

**TERBUKA**

**S25** Pilih kenyataan yang salah berkaitan dengan turun-naik (*fluctuation*) terhadap keperluan pekerja binaan.

- (a) Pengarasan sumber (*resource levelling*) boleh didasari oleh duakekangan utama iaitu masa yang terhad atau pun sumber yang terhad
- (b) Pengarasan sumber (*resource levelling*) perlu merujuk kepada fasa-fasa pembinaan serta penjadualan terperincinya
- (c) Sekiranya pekerja binaan adalah terhad, maka tempoh pembinaan boleh dipendekkan atau kekal seperti asal dengan membuat pengarasan sumber (*resource leveling*)
- (d) Turun-naik (*fluctuation*) yang ketara terhadap bilangan pekerja binaan sepanjang fasa pembinaan adalah tidak praktikal dan tidak ekonomi

(50 markah)

**TERBUKA**

**BAHAGIAN B**

**S26** Jadual S26 merupakan siri aktiviti pembinaan bagi sebuah bangunan kecil.

**Jadual S26** Siri Aktiviti Pembinaan Bagi Sebuah Bangunan Kecil.

Aktiviti	Hubungan (Predecessor)	Tempoh (Hari)
A	-	10
B	A	15
C	A	20
D	B(+2)	12
E	B,C,D	18
F	E	10

- (a) Berdasarkan senarai aktiviti dalam Jadual S26, lukis Diagram Aktiviti di Dalam Nod (Activity on Node- AON). (6 markah)
- (b) Kirakan masa Mula Terawal (ES), Mula Terakhir (LS), Tamat Terawal (EF), Tamat Terakhir (LF) dan Jumlah Apungan (TF) bagi setiap aktiviti. (15 markah)
- (c) Tunjukkan laluan kritikal pada diagram tersebut. (2 markah)
- (d) Ramalkan kesan ke atas projek sekiranya Aktiviti C lewat selama 5 hari dari masa mula terawal (ES). (2 markah)

**TERBUKA**

- S27** **Jadual S27** menunjukkan enam (6) aktiviti bagi sebuah projek. Ia perlu dijalankan dalam masa tertentu.

**Jadual S27** Siri Aktiviti Pembinaan Bagi Sebuah Bangunan Kecil.

Aktiviti	Masa Mula	Tempoh (minggu)	Kos (RM)
A	Minggu pertama	2	1,000.00
B	Minggu ketiga	3	1,500.00
C	Minggu keempat	2	1,200.00
D	Minggu kelima	2	800.00
E	Minggu Keenam	3	600.00
F	Minggu Ketujuh	2	400.00

- (a) Berdasarkan maklumat dalam **Jadual S27**, sediakan sebuah carta bar bagi projek tersebut.

(10 markah)

- (b) Merujuk kepada carta bar yang disediakan dalam S27 (a), lukiskan keluk-S berdasarkan kos projek.

(15 markah)

**TERBUKA**

- SOALAN TAMAT -